

Headline	UUM anjur seminar tadbir urus cemerlang ke-7		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	24	ArticleSize	201 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,973	PR Value	RM 11,918



# UUM anjur seminar tadbir urus cemerlang ke-7

JABATAN Canselori Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Seminar Tadbir Urus Organisasi dari 24 hingga 26 Jun ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan UUM, seminar di Hotel Bayview Langkawi itu akan dihadiri oleh ramai penceramah tempatan dan

antarabangsa yang merupakan pakar-pakar dalam teknologi pengurusan organisasi.

Bertemakan *Tadbir Urus Cemerlang Strategi Lautan Biru Dalam Tadbir Urus Organisasi*, seminar yang terbuka kepada kumpulan pengurusan profesional, kakitangan kumpulan sokongan awam dan swasta, ahli akademik itu akan membincangkan tentang program pengurusan yang di aplikasi dalam pentadbiran awam.

Menurut kenyataan itu, seminar tersebut sesuai untuk dihadiri oleh mereka yang terlibat dalam bidang pengurusan seperti ketua jabatan, pegawai kanan dan ahli-ahli perniagaan.

Antara topik yang akan dibincangkan ialah *Rahsia pengurusan kewangan organisasi yang bijak; perancangan strategik lautan biru; komunikasi dalam pengurusan krisis; etika dan integriti asas organisasi berprestasi tinggi.*

Mereka yang berminat menyertai seminar itu boleh menghubungi Adilah dari UUM di talian 017-5720499; Norhashimah (012-5377587) dan Jamilah (019-4579246).

